

Tema 1 BENTUK MUKA BUMI DAN POTENSINYA

Sistem Bumi

1. Komponen dalam sistem bumi
 - Atmosfera
 - Hidrosfera
 - Litosfera
 - Biosfera
2. Jenis-jenis gas dalam atmosfera
 - Nitrogen
 - Oksigen
 - Argon
 - Karbon dioksida
 - wap air
3. Lapisan atmosfera
 - a. Troposfera
 - b. Stratosfera
 - c. Mesosfera
 - d. Termosfera

Struktur Bumi

1. Lapisan bumi
 - kerak bumi
 - mantel
 - teras luar
 - teras dalam
2. Lapisan kerak bumi
 - Sial
 - Sima
3. Ciri-ciri lapisan Sial dan Sima

Ciri-ciri lapisan Sial	Ciri-ciri lapisan Sima
1. Terletak di atas Sima	1. Terletak di bawah Sial
2. Ketebalan antara 30 - 50 km	2. Ketebalan antara 5 – 10 km
3. Ketumpatan antara 2.6 – 2.7	3. Ketumpatan antara 2.8 – 3.1
4. Kaya dengan silika dan aluminium	4. Kaya silica, besi dan magnesium
5. Batuan utama ialah granit	5. Batuan utama ialah basalt

4. Ciri-ciri teras luar dan teras dalam

Ciri-ciri Teras Luar	Ciri-ciri Teras Dalam
1. Terletak antara 2900 - 5150 km dari permukaan bumi	1. Terletak antara 5150 - 6370 km dari permukaan bumi
2. Ketumpatan antara 10.0 - 12.3	2. Ketumpatan antara 13.3 – 13.6
3. Suhu dalam lingkungan 3000°C	3. Suhu dalam lingkungan 5000°C
4. Batuan dalam bentuk cecair	4. Batuan dalam bentuk pepejal

Jenis-jenis Batuan dan Kepentingannya

1. Jenis-jenis batuan
 - Batuan igneus
 - Batuan enapan
 - Batuan metamorfosis

2. Ciri-ciri batuan igneus

BATUAN IGNEUS			
Jenis Batuan	Contoh Batuan	Warna	Tekstur
Batuan Igneus Rejahan	Granit	Cerah	Kasar
	Gabro	Gelap	Kasar
Batuan Igneus Terobosan	Basalt	Gelap	Halus
	Obsidian	Gelap	Berkaca
	Pumis	Cerah	Berkaca

3. Ciri-ciri batuan enapan

BATUAN ENAPAN		
Jenis	Batuan	Komposisi
Batuan Jenis Klastik	Konglomerat	Kerakal, kelikir, batu tongkol
	Batu pasir	Pasir
	Syal	Lempung
Batuan Jenis Kimia	Batu garam	Halit
	Batu gypsum	Gypsum
Batuan Jenis Organik	Batu kapur	Kalsit dari sisa haiwan
	Batu arang	Hasil pereputan tumbuhan

4. Ciri-ciri batuan metamorfosis

BATUAN METAMORFOSIS		
Jenis Batuan	Tekstur	Batuan Asal
Syis	Sederhana kasar	Slat, basalt dan granit
Gneis	Kasar	Granit
Batu marmar	Kasar	Batu kapur
Kuartzit	Sederhana kasar	Batu pasir

5. Kepentingan batuan

KEPENTINGAN BATUAN		
Jenis Batuan	Contoh Batuan	Kepentingan
Batuan Igneus	Batu granit	Membina bangunan, jalan raya, empangan, jalan kereta api, jambatan dan tetambak.
Batuan Enapan	Batu kapur	Membuat simen dan konkrit
	Batu pasir	Membuat kaca
	Lempung	Membuat tembikar dan bata
	Arang batu	Membuat besi dan keluli
Batuan Metamorfosis	Batu marmar	Barang perhiasan seperti pasu dan meja Hiasan dinding dan lantai bangunan
	Batu permata	Perhiasan wanita (rantai, gelang, cincin & cincin.
		Membuat mata pengisar, pemotong & gerudi

Pergerakan Plat Tektonik

1. Cara pergerakan plat
 - pertembungan palt
 - pencapahan / pemisahan plat
2. Jenis-jenis pertembungan plat
 - pertembungan plat lautan dengan plat lautan
 - pertembungan plat lautan dengan plat benua
 - pertembungan plat benua dengan plat benua
3. Jenis-jenis lipatan kerak bumi
 - lipatan monoklin
 - lipatan simetri
 - lipatan asimetri
 - lipatan rebah
 - lipatan lampau

Pembentukan Gunung Berapi

- 1 Ciri-ciri lava asid dan bes

Perbezaan Ciri Antara Lava Asid dengan Lava Bes		
Ciri Lava	Lava Asid	Lava Bes
Tahap Kecairan	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat pekat, melekit dan mengalir perlahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Cair dan mengalir dengan cepat dan laju
Tahap Pembekuan	<ul style="list-style-type: none"> • Cepat membeku di permukaan bumi 	<ul style="list-style-type: none"> • Lambat membeku dan mengalir jauh di permukaan bumi
Kandungan Mineral	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi silika yang tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi banyak besi dan magnesium
Takat Peleburan	<ul style="list-style-type: none"> • Takat lebur yang tinggi dan kepadatan yang rendah 	<ul style="list-style-type: none"> • Takat lebur yang rendah dan sangat panas

- 2 Jenis-jenis bentuk muka bumi jalar dalam

Bentuk Muka Bumi	Ciri-Ciri
Daik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membeku secara tegak/condong dalam kerak bumi 2. Mengalir keluar melalui batuan yang lemah atau telah mengalami retakan
Lopolit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membeku sebelum keluar kepermukaan 2. Berbentuk piring 3. Bahagian tengah seperti sebuah lembangan
Sil	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terbentuk dilapisan batuan mendak 2. Tidak tebal 3. Selari dengan lapisan batuan
Pakolit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terbentuk dikemuncak lintap mungkum/dasar lintap lendut 2. Berbentuk seperti sebuah kanta
Lakolit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berbentuk cendawan 2. Atas berbentuk dom dan bawahnya rata
Batolit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekumpulan besar magma beku dalam kerak bumi 2. Keluasan mencapai beratus kilometer 3. Menjadi dasar gunung.

3. Jenis-jenis bentuk muka bumi jalar luar

Bentuk Muka Bumi	Ciri-ciri
Kon Lava Asid	1. Mengalir dipermukaan bumi dalam jarak yang dekat 2. Membeku dengan cepat 3. Membentuk kon yang sangat curam
Kon Lava Bes	1. Lava yang cair 2. Mengalir jauh di permukaan bumi 3. Cerun yang landai 4. Kaya dengan kandungan besi
Kon Abu	1. Terbentuk daripada abu dan serpihan batu 2. Letusan yang sangat kuat 3. Cerun yang lebih curam
Kon Komposit	1. Magma keluar melalui beberapa rekahan 2. Membentuk kon kecil/parasit 3. Bahan kon berselang-seli antara lapisan abu dan lava
Penara Basalt	1. Dataran lava yang luas 2. Lava bes keluar melalui rekahan dan mengalir secara meluas 3. Lava basalt menembusi lapisan batuan asal dan membentuk dataran yang agak tinggi
Krater	1. Terbentuk hasil letusan gunung berapi yang kuat 2. Letupan membentuk lekukan / kawah 3. Menjadi tapak sebuah tasik 4. Takungan air membentuk tasik krater
Kaldera	1. Pengaliran magma yang terlalu banyak melemahkan struktur batuan di bahagian bawah bumi 2. Runtuhan bumi membentuk membentuk satu kawah yang besar

PERUBAHAN PANDANG DARAT FIZIKAL

Luluhawa

1. Jenis-jenis luluhawa
 - luluhawa fizikal / mekanikal
 - luluhawa kimia
 - luluhawa organik
2. Jenis-jenis luluhawa fizikal

Jenis luluhawa fizikal	Huraian
Perubahan suhu	- Batuan mengembang dan mengecut secara berulang - Berlaku di kawasan gurun kerana julat harian sangat besar - Perubahan suhu yang berulang menyebabkan lapisan luar batuan rekah dan pecah - Proses ini menyebabkan pemecahan bongkah dan penyepaian berbutir
Tindakan ibun	- Proses beku cair secara berulang-ulang di dalam batuan - Berlaku di kawasan iklim sederhana sejuk dan pergunungan - Batuan pecah secara serpihan dan jatuh dicerun-cerun gunung - Timbunan batuan dicerun dikenali sebagai talus / skri

Basah kering	<ul style="list-style-type: none"> - Batuan mengembang semasa basah dan menguncup semasa kering - Proses basah kering secara berulang menyebabkan batuan merekah dan pecah - Di kawasan pantai proses basah kering menyebabkan batu pasir pecah dan relai - Berkesan di kawasan tropika
--------------	---

3. Luluhawa kimia

- Hidrolisis - Proses tindak balas kimia antara mineral batuan dan air
 - Batu granit + Air = Kaolin
- Penghidratan - Proses mineral batuan menyerap air, mengembang dan menjadi mineral baru yang lemah
 - Anhidrit + Air = Gypsum
- Pengoksidaan - Proses tindak balas antara mineral batuan dengan oksigen di udara
 - Menghasilkan oksida besi yang lemah
 - Di kawasan tropika banyak terdapat batuan yang mengandungi besi apabila terluluhawa menghasilkan tanah laterit
- Larutan - Proses mineral menjadi cair apabila bercampur dengan air
 - Berkesan terhadap batuan apabila air mengandungi asid
 - Air + Kalsium = Kalsium karbonat
- Pengkarbonan- Proses tindak balas antara batu kapur dengan asid karbonik
 - Berkesan di kawasan batu kapur
 - Asid Karbonik + Batu kapur = Kalsium bikarbonat

Gerakan Jisim

Jenis Gerakan Jisim	Huraian
Kesotan tanah	<ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan paling perlahan - Berlaku dalam jangkamasa yang panjang - Berlaku hasil daripada tindakan air mengalir, tindakan ibun dan binatang ternakan - Berlaku di kawasan tanah tinggi spt Cameron Highlands
Aliran lumpur	<ul style="list-style-type: none"> - Lumpur menuruni cerun dengan laju - Bahan yang dibawa ialah lumpur dan air - Berlaku akibat hujan lebat yang turun tiba-tiba - Berlaku di kawasan cerun curam, kawasan tiada litupan tumbuhan dan tanah berzarah halus
Tanah runtuh / Gelongsoran tanah	<ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan bahan-bahan spt. ketulan batuan bercampur tanah menuruni cerun - Berlaku sangat pantas di kawasan cerun curam - Kejadian ini bergantung kepada ketinggian cerun, sifat dan jenis tanah, litupan tumbuhan, iklim, air hujan, air di permukaan tanah, tindakan manusia dan gempa bumi
Gelongsoran Tanah	<ul style="list-style-type: none"> - Berlaku di kawasan pinggir praglasier - Kejadian ini akibat tindakan fros, proses panas-sejuk berulang-ulang dan aktiviti salji - Kadar pergerakan lebih cepat waktu tengah hari apabila salji cair

Kesan gerakan jisim

Kesotan tanah	<ul style="list-style-type: none">- pokok condong- tembok retak dan pecah- membentuk cerun-cerun berteres dikaki cerun / teraset
Aliran lumpur	<ul style="list-style-type: none">- pembentukan kipas alluvium dikaki cerun- lurah berbentuk V- kerosakan harta benda- kehilangan nyawa
Gelangsar tanah	<ul style="list-style-type: none">- permukaan cerun yang berlekuk- terdapat bonggol- teres- permatang
Tanah runtuh / Gelongsoran tanah	<ul style="list-style-type: none">- kerosakan jalan raya- kehilangan nyawa- kemusnahan harta benda

Tindakan Air Mengalir

Proses Tindakan Air Mengalir (Sungai)

a. Tindakan hakisan sungai

Tindakan hakisan	Proses berlaku
Tindakan hidraul	<ul style="list-style-type: none">-Air sungai menghempas tebing dan dsasar-Hempasan ini menggali keluar dan mencungkil bahan-bahan batuan-Berkesan di kawasan air terjun
Geseran	<ul style="list-style-type: none">-Dilakukan oleh bahan-bahan yang dibawa dan diangkut oleh air sungai spt. batu tongkol, kelikir, pasir dan kelodak-Bahan-bahan ini menggesel dinding dan dasar lurah sungai semasa ia mengalir
Lagaan	<ul style="list-style-type: none">-Bahan-bahan yang diangkut oleh sungai berlaga sesama sendiri-Bahan ini akan pecah dan menjadi kecil
Larutan	<ul style="list-style-type: none">-Air sungai mengalir ke kawasan batuan yang mudah larut-Asid lemah dalam air sungai akan melarutkan batuan pada dinding dan dasar sungai (Batu kapur dan batu garam)

b. Pengangkutan sungai

Pengangkutan sungai	Proses berlaku
Seretan	<ul style="list-style-type: none">-Berlaku di bahagian dasar lurah sungai-Bahan-bahan yang sangat besar dan berat spt. batu Tongkol
Lompatan	<ul style="list-style-type: none">-Pemindahan bahan-bahan secara melompat-Bahan-bahan spt. batu kelikir, serpihan batuan
Apungan	<ul style="list-style-type: none">-Bahan-bahan spt. pasir, kelodak, Lumpur bergerak ke hilir sungai secara terapung di permukaan air
Larutan	<ul style="list-style-type: none">-Larutan berlaku pada bahan-bahan atau mineral mudah larut dalam air seperti batu kapur

c. Pemandapan sungai

- Pemandapan berlaku apabila aliran sungai tidak mampu membawa bahan-bahan kerana tenaga untuk mengangkut menjadi kurang
- Pemandapan berlaku di hilir sungai dan tebing cembung sungai
- Bahan-bahan berat dan besar spt. batu tongkol dimendap dahulu manakala bahan-bahan kecil spt. pasir dimendapkan kemudian

d. Bentuk muka bumi hasil hakisan sungai

- Lurah V
- Air terjun
- Jeram
- Lubuk pusar
- Susuh bukit / susuh bukit berpanca
- Likuan sungai

e. Bentuk muka bumi hasil pemendapan sungai

- Tasik ladam
- Delta
- Dataran banjir
- Tetambak

Tindakan Air Mengalir (Ombak)

Bentuk muka bumi hasil hakisan ombak


- Tanjung dan teluk
- Cenuram dan teres hakisan ombak
- Gerbang laut
- Batu tunggul
- Tunggul sisa
- Lohong ombak / gloup
- Geo / anak teluk

Bentuk muka bumi hasil pemendapan ombak

- Tetanjung / anak tanjung
- pantai
- Beting pasir
- Tombolo

LAUT DAN LAUTAN

Faktor mempengaruhi Pembentukan terumbu karang



Kepentingan laut dan lautan

Contoh	Kegunaan
Ikan dan hidupan laut	Sumber protin: industri ikan dalam tin
Rumpair laut	Bahan makanan dan ubat-ubatan
Batu karang , mutiara dan siput	Barang perhiasan dan kraf tangan
Petroleum dan Gas Asli	Sumber bahan mentah dan bahan api
Pengangkutan air	Penghantaran barangan dan penumpang
Tenaga ombak	Tenaga letrik gelombang ombak
Sejatan	Hujan kawasan pantai
Bayu laut	Menyerdahana suhu
Pelancongan	Aktiviti skuba, sukan air
Penyahgaraman	Sumber air tawar
Kawasan ujian	Ujian nuklear
Tebus guna	Tujuan kawasan industri, perumahan

Kesan Kegiatan Manusia Terhadap Laut dan Lautan

Punca	Kesan	Cara Mengatasi
<i>Tumpahan minyak</i>	<i>Pencemaran/ hidupan mati</i>	<i>Kerjasama anatarabangsa/ Tindakan undang-undang</i>
<i>Tebus guna laut</i>	<i>Air laut tercemar</i>	<i>Undang-undang/ JAS</i>
<i>Perlombongan minyak</i>	<i>Pencemaran sekitar pelantar</i>	<i>Kos mengawal kebocoran paip</i>
<i>Pembuangan sampah dan kumbahan</i>	<i>Pencemaran air, bau dan hidupan laut terancam</i>	<i>Tindakan undang-undang, Pendidikan alam sekitar</i>
<i>Bahan buangan kilang</i>	<i>Air tercemar/ beracun</i>	<i>Tindakan undang-undang, Pendidikan alam sekitar</i>
<i>Ujian Nuklear</i>	<i>Air dicemari bahan radioaktif</i>	<i>Kerjasama antarabangsa</i>

Pemeliharaan laut dan lautan

Taman laut dan Akuarium laut

- Malaysia mempunyai 38 taman laut
- Di wartakan di pulau-pulau
- P Tioman, P Redang, P payar
- Taman tunku Abdul Rahman
- Memelihara dan melindungi ekosistem laut
- Pelancong mesti mematuhi peraturan
- Terumbu karang dapat diselamatkan

Definisi Istilah-istilah utama lautan

<i>pentas benua</i>	Laut cetek, kurang 183 meter
<i>Jurang lautan</i>	Bahagian lautan paling dalam
<i>Terumbu Pinggir</i>	Barisan karang di sekeliling pulau atau sepanjang benua
<i>Terumbu Sawar/ terumbu penghalang</i>	Kawasan karang yang dipisahkan oleh lagun
<i>Atol/ pulau cincin</i>	Penanggalan pulau oleh pertumbuhan terumbu karang
<i>Lagun</i>	Kawasan laut cetek yang dikelilingi atol

TEMA 3 : TUMBUH-TUMBUHAN SEMULAJADI DAN HIDUPAN LIAR

1. i) Padang Rumput Steppe.
 - a) Padang rumput pendek
 - b) Contoh rumput 'blue grama' dan 'bufflo grass'
 - c) Di Amerika Utara dikenali sebagai Prairie, di Amerika Selatan-Pampas, Steppe di Asia.
 - d) Pokok-pokok jarang.
 - e) Hidupan liar seperti serigala, rubah
- ii) Hutan Monsun Tropika
 - a) Bukan malar hijau
 - b) Daun lebar
 - c) Batang besar dan berkulit tebal
 - d) Profil hutan terdiri daripada 3 lapisan
 - e) Hidupan liar seperti gajah, badak sumbu
- iii) Hutan Konifer
 - a) Pokok malar hijau
 - b) Satu lapisan pokok
 - c) Terdiri daripada pokok kayu lembut seperti pain, spurs
 - d) Daun tajam berbentuk jarum
 - e) Hidupan liar seperti karibu, beruang

- iv) Hutan Hujan Tropika
- Pokok malar hijau
 - Terdiri daripada 3 / 4 lapisan
 - Banyak spesies tumbuh-tumbuhan
 - Pokok kayu keras
 - Daun lebar
 - Hidupan liar seperti harimau, kera

- 4 .
- Komponen hidup (biotik)- manusia, tumbuhan, haiwan
 - Komponen bukan hidupan (abiotik) seperti cahaya matahari, hujan, udara mineral dan tanah
 - Organisma yang dapat menghasilkan makanannya sendiri seperti tumbuhan hijau
 - Organisma yang tidak dapat menghasilkan makanannya sendiri seperti haiwan
 - Organisma yang menghuraikan tumbuh-tumbuhan, bangkai dan najis haiwan seperti bacteria dan kulat
 - Binatang yang memakan tumbuhan sahaja seperti beluncas, arnab
 - Binatang yang memakan haiwan lain
 - Pengguna yang memakan tumbuhan dan haiwan

5. Kepentingan hutan

- Mencegah hakisan
- Kawasan tadahan air
- Membekalkan oksigen
- Menyerap karbon dioksida
- Mengawal banjir
- Mengimbang suhu setempat
- Menyuburkan tanah
- Membekalkan wap air
- Memerangkap kotoran / habuk / debu

6. Ekosistem hutan hujan tanah pamah dan paya bakau

Persamaan

- Kedua-dua jenis hutan adalah malar hijau
- Kepelbagaian biologi
- Membekalkan oksigen, menyerap karbon dioksida

Perbezaan

Hutan Hujan Tropika

Hutan Paya Bakau

Ciri pokok

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - 3 / 4 lapisan pokok - akar banir - pokok tinggi | <ul style="list-style-type: none"> - satu lapisan pokok - akar ceracak - hidup di kawasan paya |
|---|---|

Spesis

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - kaya dengan sepsis tumbuhan | <ul style="list-style-type: none"> - Kurang sepsis pokok kerana |
|---|--|

kemasinan yang tinggi

Kawasan

- Kawasan tanah pamah bersaliran baik
- Kawasan pinggir laut yang berlumpur, terendam dan kemasinan tinggi

Pengguna

- Hidupan daratan
- hidupan daratan dan marin

Rumusan

- Kedua-dua hutan ini tumbuh di kawasan berbeza tetapi mempunyai satu persamaan iaitu hutan malar hijau.

7. Kesan kegiatan berikut:

Pembalakan

- hutan musnah
- hidupan liar kehilangan habitat
- hakisan
- larut resap tanah

Pertanian

- Hutan diganti dengan ladang dan tanaman sejenis
- Tanah hilang subur
- Pencemaran air – penggunaan baja kimia

Pengangkutan

- Pembinaan lebuhraya
- Memudahkan penerokaan kawasan untuk pembalakan

TEMA 4: DINAMIK PENDUDUK

1. Faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu kawasan berpenduduk

Padat	Sederhana Padat	Jarang
-Bandar-bandar besar -Banyak peluang pekerjaan. -Kawasan perindustrian -Kemudahan pengangkutan -Pembangunan Bandar baru -Pusat pendidikan tinggi -Kawasan perlombongan	-Kawasan penanaman getah dan kelapa sawit -Kawasan pendaratan ikan -Kawasan rancangan kemajuan tanah	-Kawasan bergunung-gunung dan berhutan tebal -Kawasan pedalaman yang terpencil -Darjah ketersampaian rendah -Kawasan pertanian dan perikanan tradisional -Kawasan kurang kemudahan asas / awam

2. Faktor mempengaruhi kepadatan penduduk di Lembangan St. Lawrence, Kanada

- Sejarah awal diterokai pendatang Eropah
- Bentuk muka bumi yang rata
- Tanah alluvium yang subur untuk pertanian
- Terdapat pelbagai sumber bahan mentah spt. hasil pertanian, kayu balak, mineral, hasil penternakan dan KHE
- Pertanian bercorak komersial / ekstensif
- Kemajuan sektor perindustrian
- Kemudahan sistem pengangkutan dan perhubungan
- Jalan air St. Lawrence yang murah
- Kemudahan IPT
- Perkhidmatan kesihatan moden
- Banyak Bandar-bandar besar
- Kemajuan industri pelancongan

Pertumbuhan Penduduk

Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran

- Struktur umur penduduk
- Taraf hidup
- Taraf pendidikan
- Usia perkahwinan
- Amalan perancangan keluarga
- Tahap kemajuan Negara
- Governan – menghadkan saiz keluarga

Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar kematian

- Kemudahan dan kelengkapan perubatan moden
- Taraf hidup penduduk
- Kemudahan hospital / klinik
- Bilangan doktor / doktor pakar berbanding penduduk
- Taraf kesihatan penduduk
- Taraf pendidikan
- Dasar kerajaan / governan

Migrasi Penduduk

Faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman

- Kemudahan asas / awam
- Peluang pekerjaan
- Kemudahan pendidikan tinggi
- Rancangan kemajuan tanah
- Jaringan pengangkutan
- Bencana alam
- Perkembangan bandar baru / bandar satelit
- Bandar-bandar besar / ibu negeri
- Pertukaran tempat kerja / bersara
- Persekitaran yang tenang dan nyaman.

Faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa

- Peluang pekerjaan
- Melanjutkan pelajaran tinggi
- Meningkatkan taraf hidup

- Menjalani rawatan perubatan
- Bencana alam
- Ketidakstabilan politik / peperangan
- Wabak penyakit
- Pelancongan

Kesan migrasi terhadap sesebuah Negara

- Perubahan struktur penduduk
- Mengatasi kekurangan tenaga buruh
- Memperluaskan pasaran barangan pengguna
- Berlaku pemindahan teknologi
- Perkembangan pendidikan tinggi
- Meningkatkan masalah sosial / jenayah
- Kawasan pertanian terbiar
- Masalah perumahan / petempatan setingan

Piramid Progresif

Ciri Piramid	Ciri Demografi
- Tapak lebar	- Kanak-kanak ramai - Kadar kelahiran tinggi - Kadar kematian tinggi - Kadar pertumbuhan penduduk tinggi
- Puncak tirus / sempit	- Warga tua sedikit - Kadar kematian tinggi - Jangka hayat rendah

Piramid Peralihan

Ciri Piramid	Ciri Demografi
- Tapak sempit	- % kanak-kanak sedikit - Kadar kelahiran rendah - Kadar pertumbuhan penduduk rendah
- Tengah lebar	- Penduduk dewasa ramai - Kadar kematian rendah
- Puncak sempit	- Warga tua sedikit - Kadar kematian rendah - Jangka hayat tinggi

Piramid Stabil

Ciri Piramid	Ciri Demografi
- Tapak sempit	- Kadar kelahiran rendah - % kanak-kanak rendah - Kadar pertumbuhan penduduk rendah
- Sisi tegak	- Kadar kelahiran dan kematian hamper sama - % kanak-kanak dan dewasa hamper sama
- Puncak lebar	- Jangka hayat tinggi - % warga tua tinggi - Kadar kematian rendah

Langkah mengatasi masalah di negara kurang penduduk

- Membawa masuk tenaga buruh asing
- Menggalakkan wanita bekerja
- Meningkatkan umur persaraan
- Menggalakkan peningkatan kadar kelahiran
- Pemberian insentif kepada keluarga yang melahirkan ramai anak

- Menyediakan kemudahan perubatan untuk warga tua
 - Membina banyak rumah kebajikan
- Langkah mengatasi masalah di negara penduduk berlebihan

- Amalan perancangan keluarga
- Meningkatkan taraf pendidikan
- Lewatkan umur perkahwinan
- Polisi menghadkan saiz keluarga
- Menyediakan kemudahan kesihatan
- Mengadakan inovasi serta pemodenan sektor pertanian

Tema 5 : Petempatan dan Perkembangannya

Fungsi petempatan luar Bandar

- Pusat mengumpul dan memproses hasil pertanian
- Menyediakan kemudahan asas
- Menyediakan kemudahan awam
- Melaksanakan urusan pentadbiran kerajaan

Faktor yang mempengaruhi perletakan dan taburan petempatan luar Bandar

- Bentuk muka bumi
- Kesuburan tanah
- Darjah ketersampaian
- Keselamatan
- Bekalan air
- Governan

Fungsi Bandar

- Bandar pentadbiran / ibu negeri
- Bandar pelancongan
- Bandar pelabuhan
- Bandar Diraja
- Bandar pertahanan
- Bandar sempadan
- Bandar perindustrian
- Bandar perlombongan
- Bandar pendidikan
- Bandar satelit
- Bandar teknologi maklumat

Faktor yang mempengaruhi peletakan dan taburan petempatan Bandar

- Bentuk muka bumi
- Sumber mineral
- Darjah ketersampaian
- Faktor sosial
- Governan

Sumbangan luar bandar kepada bandar	Sumbangan bandar kepada luar Bandar
<ul style="list-style-type: none"> -Menyumbangkan tenaga buruh -Membekalkan hasil pertanian -Membekalkan bahan mentah -Pusat pengumpul dan pengedar hasil pertanian 	<ul style="list-style-type: none"> -Peluang pekerjaan -Kemudahan pendidikan -Perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan -Perkhidmatan kewangan

-Menyediakan pasaran barang kilang dari Bandar	-Perkhidmatan pentadbiran
--	---------------------------

Pembandaran

Fungsi Bandar Satelit	Fungsi Bandar Baru
<ul style="list-style-type: none"> -Menyediakan kawasan petempatan / perumahan -Menyediakan kemudahan asas/awam yang lengkap -Menjadi pusat pendidikan -Menyediakan kawasan industri khusus -Menyediakan peluang pekerjaan -Perkembangan kegiatan perniagaan -Pusat pentadbiran 	<ul style="list-style-type: none"> -Membangunkan kawasan luar bandar -Pembangunan industri -Menyediakan pendidikan tinggi -Perkembangan industri telekomunikasi moden -Meningkatkan kegiatan perniagaan dan perdagangan -Pusat pentadbiran

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Proses Pembandaran

- Perkembangan sektor industri
- Migrasi penduduk yang pesat ke Bandar
- Pengelompokan aktiviti ekonomi spt. industri
- Pertambahan peluang pekerjaan
- Pengelompokan institusi kewangan
- Penyediaan kemudahan awam / asas yang lengkap
- Pemodenan sistem pengangkutan dan perhubungan
- Peningkatan kemudahan pendidikan tinggi
- Penyediaan pelbagai kemudahan kesihatan / perubatan
- Kemudahan sosial yang lengkap spt. kebudayaan, tempat ibadat, hiburan dan rekreasi
- Langkah kerajaan menaik taraf sesebuah bandar
- Pembukaan bandar-bandar baru

Kesan Proses Pembandaran

- Banyak bangunan pencakar langit
- Banyak kawasan tepu bina
- Pembinaan pangsapuri / rumah pangsa untuk petempatan
- Jalan raya diperluas / dinaik taraf
- Pembinaan pengangkutan moden spt. LRT, Komuter, Monorel
- Pembinaan kawasan rekreasi dan pusat hiburan
- Banyak pusat membeli-belah
- Pertambahan penduduk yang pesat
- Peluang pekerjaan bertambah
- Menggalakkan migrasi luar bandar ke bandar
- Pertambahan kawasan setinggan
- Pengangguran bertambah / kemiskinan bertambah
- Masalah sosial meningkat
- Kesesakan lalulintas
- Pencemaran udara oleh asap kenderaan dan kilang
- Kejadian banjir kilat
- Pencemaran sungai spt. kumbahan domestik dan sisa kilang

Langkah Mengurangkan Masalah Pembandaran

- Menyediakan tapak pelupusan sampah
- Penggunaan 'insinerator'
- Kempen kitar semula barangan
- Menghijaukan bandar / bandar dalam taman
- Memperkenalkan pengangkutan menggunakan kuasa elektrik spt. LRT, Komuter
- Penggunaan petrol tanpa plumbum
- Penguatkuasaan undang-undang

- Membaiki sistem perparitan
- Melaksanakan projek tebatan banjir
- Penempatan semula setinggian
- Pembinaan Bandar satelit
- Kempen menggunakan pengangkutan awam
- Kempen kongsi kereta
- Melebar dan menaik taraf jalan raya
- Membina jalan raya bertingkat
- Laluankhas untuk bas / teksi
- Memindahkan pejabat pentadbiran kerajaan ke bandar baru

Tema 6 : Pengangkutan & Perhubungan

Kepentingan Pengangkutan dan Perhubungan

1. Mempercepatkan perhubungan dan penyaluran maklumat.
2. Urusan perniagaan lebih cekap
3. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui e-dagang
4. Meluaskan pasaran dalam Negara
5. Meningkatkan kualiti kesihatan melalui tele-perubatan.
6. Mempelbagaikan ekonomi dalam Negara.
7. Mengeratkan hubungan antarabangsa.
8. kawalan udara melalui radar
9. persidangan melalui “video conferencing”.
10. Menggalakkan pelaburan asing.
11. Meningkatkan sector pelancongan.
12. Peluang pekerjaan.
13. Sumber pendapatan Negara.

TEMA 7: SUMBER

Sumber Hutan

- a. Kepentingan sumber hutan
 - Pendapatan negara / hasil eksport Negara
 - Peluang pekerjaan
 - Kawasan tadahan air
 - Sumber kayu balak spt. cengal, meranti,keruing
 - Habitat fauna
 - Membekalkan oksigen / menyerap karbon dioksida
 - Bahan mentah untuk industri
 - Mengawal hakisan
 - Mengawal suhu persekitaran
 - Kawasan pelancongan dan rekreasi
- b. Ciri-ciri hutan hujan tropika
 - Malar hijau
 - Bentuk kanopi
 - Berakar banir
 - 3 / 4 lapisan
 - Batang lurus
 - Batang keras
 - Berdaun lebar
 - Lapisan bawah/lantai hutan gelap

c. Kesan penerokaan sumber hutan terhadap alam sekitar

- Ekosistem hutan terjejas
- Habitat fauna musnah
- Kemusnahan flora
- Kepupusan fauna
- Berlaku proses larutresap
- Kelembapan udara kurang
- Suhu meningkat
- Hujan berkurangan
- Kitaran hidrologi terjejas
- Kawasan tadahan terjejas
- Kejadian banjir / banjir kilat
- Oksigen berkurangan / Karbon dioksida bertambah
- Berlaku hakisan
- Tanah runtuh

d. Pengurusan sumber hutan

- Penguatkuasaan undang-undang
- Mewartakan hutan simpan dan taman Negara
- Mengadakan rawatan silvikultur
- Menghadkan kawasan pembalakan / lesen pembalakan
- Rondaan oleh renjer hutan
- Penghutanan semula selepas pembalakan
- Penyelidikan hutan spt. FRIM
- Pembalakan terpilih
- Mewujudkan ladang hutan

Sumber Mineral

Kepentingan sumber petroleum	Kepentingan sumber bijih timah
<ul style="list-style-type: none"> -Sumber eksport / pendapatan negara -Peluang pekerjaan -Bahan mentah untuk industri -Wujud bandar baru spt. Kerteh -Wujud pelabuhan khusus spt. Bintulu -Wujud syarikat besar spt. PETRONAS -Kemasukan kepakaran asing -Perkembangan pengangkutan spt. jalan raya -Sumber bahan api 	<ul style="list-style-type: none"> -Sumber eksport / pendapatan negara -Peluang pekerjaan -Bahan mentah untuk industri -Perkembangan bandar spt. Ipoh, Taiping -Kerjasama dengan negara pengeluar -Wujud hubungan antarabangsa -Pelabuhan untuk eksport -Perkembangan pengangkutan spt. jalan raya
Kesan penerokaan petroleum terhadap alam sekitar	Kesan penerokaan bijih timah terhadap alam sekitar
<ul style="list-style-type: none"> -Pencemaran laut akibat tumpahan minyak spt. kapal tangki, penggerudian, kebocoran paip -Pencemaran udara spt. pembakaran sisa minyak dan gas melalui cerobong di pelantar minyak -Kepupusan hidupan air/akuatik -Kemusnahan batu karang 	<ul style="list-style-type: none"> -Terdapat tasik, kolam / lubang besar -Terdapat bukit pasir / tahi bijih -Tanah tandus -Terdapat semak samun -Air sungai keruh / kotor -Tanah runtuh -Hutan musnah -Sungai diluruskan / sungai cetek

Pengurusan sumber mineral

- Penguatkuasaan undang-undang
- Pemeriksaan dan pengawasan oleh JAS
- Tempat rekreasi
- Akuakultur
- Tebus guna sebagai kawasan penternakan
- Tebus guna untuk pertanian
- Tebus guna untuk petempatan/perumahan
- Tebus guna untuk perkilangan

Sumber Air

Kepentingan sumber air


Sungai	Tasik
<ul style="list-style-type: none"> -Punca pendapatan -Peluang pekerjaan -Kegunaan domestik -Pengairan pertanian -Sumber air industri -Membekal tanah liat 	<ul style="list-style-type: none"> -Kawasan pelancongan / rekreasi -Aktiviti memancing / berkayak -Akuakultur -Peluang pekerjaan -Punca pendapatan
Air Bawah Tanah	Laut
<ul style="list-style-type: none"> -Industri air mineral -Kawasan petempatan spt. oasis -Telaga artes untuk kegunaan domestik, pertanian dan penternakan 	<ul style="list-style-type: none"> -Penyulingan / penyahgaraman air laut untuk kegunaan domestik -Kawasan pelancongan -Aktiviti penyelaman dan sukan air -Sumber pendapatan -Peluang pekerjaan

Kesan penerokaan sumber air terhadap alam sekitar

- Kemusnahan hutan
- Kemusnahan flora
- Kepupusan fauna
- Sungai tercemar
- Pembentukan tasik yang luas
- Kemusnahan habitat fauna

Pengurusan sumber air di Malaysia

- Penguatkuasaan undang-undang
- Memasang perangkap sampah di sungai
- Mewartakan taman laut
- Kempen 'Cintailah Sungai Kita'
- Pengekalan hutan bakau dan nipah
- Menutup kawasan pantai dengan konkrit
- Menghadkan lesson penangkapan ikan



Sumber Tanah

Kepentingan sumber tanah

- Tanah gambut untuk tanaman nanas
- Tanah alluvium untuk tanaman padi
- Tanah laterit untuk tanaman getah, kelapa sawit
- Tanah laterit untuk industri batu bata
- Tanah lava bes untuk pertanian
- Tanah berpasir untuk kelapa
- Membekalkan nutrient untuk tanaman

Kesan penerokaan sumber tanah terhadap alam sekitar

- Merosakkan struktur tanah
- Pertanian pindah menjejaskan nutrient
- Penggunaan baja kimia dan racun serangga berlebihan mencemarkan tanah
- Berlaku hakisan permukaan
- Pembajaan berlebihan menambahkan kadar keasidan tanah
- Pertanian secara giat mengurangkan kandungan humus
- Kesuburan tanah merosot
- Tanah menjadai tandus

Pengurusan sumber tanah

- Mengusahakan tanaman bergilir
- Menanam tanaman tutup bumi
- Pembajakan mengikut kontur
- Pertanian menggunakan rumah kaca
- Tanaman berteres
- Penggunaan baja organik/najis haiwan ternakan
- Penggunaan sisa tanaman

TEMA 8 : KEGIATAN EKONOMI

- Sektor Pembuatan
- Sektor Perkhidmatan
- Sektor Pertanian, Penternakan, Perikanan dan Perhutanan
- Sektor Perlombongan
- Sektor Pembinaan

Sektor Pembuatan

Jenis Industri	Contoh Produk	Lokasi/kawasan
Elektrik dan Eletronik	TV,komputer,periok nasi,video	Bayan Lepas, Pending,Batu Berendam
Automatif	Proton Wira, Kancil Naza Motosikal Kris	Shah Alam Serendah Gurun Gurun
Kimia	Sabun Cat Baja pertanian	Shah Alam. Petaling Jaya Kertih Bintulu
Makanan & minuman	Biskut, minuman bertin Makanan beku	Ayer Kroh, Perai, Mak Mandin, Shah Alam
Asas Petroleum & Gas Asli	Petrol, diesel, tar,metanol	Kertih, Gebeng, Tangga Batu, Bintulu

Asas Perakayuan	Perabot, kayu gergaji, papan lapis	Olak Lempit , Bukit Rambai, Sandakan
Asas pertanian	Kasut getah, tayar getah, sarung tangan Minyak masak, lilin, sabun	Kulim, Senawang, Shah Alam Mak Mandin, Pasir Gudang.

Kesan Kegiatan Sektor Pembuatan Terhadap Alam sekitar

- Pencemaran Air : sisa organik ke sungai
- Pencemaran Udara : gas debu dan asap
- Pencemaran tanah : raksa, asbestos dan sisa minyak
- Peningkatan suhu : asap habuk merangkap haba: Pulau haba

Langkah Mengurangkan Kesan Alam sekitar

- Kawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar
- Kuatkuasa undang-undang : Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974/Pindaan 2000
- Sistem rawatan air
- Mesin kurang mengeluarkan asp
- Kitar Semula
- Kempen Kesedaran pihak pengilang
- Pendidikan Alam sekitar masyarakat

Sektor Perkhidmatan

- I Pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi
- II Kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan
- III Perniagaan borong, runcit, hotel dan restoran
- IV Utiliti : Elektrik, gas dan air
- V Perkhidmatan Kerajaan
- VI Perkhidmatan pelancongan

Sektor Perlancongan di Malaysia

Faktor Mempengaruhi Pelancongan di Malaysia

Faktor	Huraian	Contoh Lokasi
Fizikal Tanah tinggi Gua Tasik Hutan Gunung Suhu	Suhu nyaman, 18 C Permandangan karst Perkhemahan, memancing Kajian flora/fauna Mendaki 27 C, sekata, sepanjang tahun	Cameron Highland Gua Niah, Gua Kelam T.Kenyir, T. Bera, T.Cini Taman Negara tahan Gunung Kinabalu Musim melancong panjang Bersantai di pantai
Ekonomi	Kos rendah, hotel murah. Rangkaian pengangkutan Kompleks membeli belah	Pelancong Jepun, Britain Darjah ketersampaian tinggi. Pedalaman mudah dihubungi Kuala Lumpur Pesta Membeli Belah,
Sosial	Masyarakat majmuk: pelbagai budaya & kebudayaan	Batu Caves, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
Governan	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Pusat Pelancongan Malaysia Rumah Terbuka Malaysia	Membuka pejabat di London, Paris, New York Promosi di Ibu Negeri di Melaka, di Kuala Lumpur

Kesan Kegiatan Pelancongan Terhadap Alam Sekitar

- Peningkatan suhu
- Hakisan Tanah
- Pencemaran air
- Kesesakan lalu lintas
- Kemusnahan tumbuhan

Sektor Pertanian, Penternakan, Perikanan dan Perhutanan

Jenis tanaman

- Tanaman makanan : padi
- Tanaman kontan : kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas

Kepentingan Kegiatan pertanian terhadap pembangunan negara Malaysia

Kepentingan	Huraian
Makanan ruji	Nasi makanan ruji; Keluaran padi 72.4% negara
Peluang Pekerjaan	15 % guna tenaga; pekerjaan penduduk
Pendapatan Negara	2001 menyumbangkan RM 18.3 billion kepada KDNK
Pengangkutan & perhubungan	Memajukan sistem pengangkutan darat: pengumpulan dan pemasaran hasil tani
Bahan Mentah	Bahan mentah industri berasaskan pertanian

Sektor Penternakan : Ternakan ayam itik, kerbau, lembu dan kambing secara komersial

Faktor-Faktor Mempengaruhi Kegiatan Penternakan

Faktor	Huraian
Fizikal	Iklim panas lembap sepanjang tahun: kos menternak rendah
Ekonomi	Permintaan daging tinggi (dalam & luar negeri) ; Ibadat Korban Pekerja ahli keluarga, kos pengeluaran dapat dijimatkan
Governan	JPH : khidmat nasihat; sistem pawah; pemasaran susu Penyelidikan oleh UPM dan MARDI Latihan ternakan oleh Institut Latihan Haiwan
Teknologi	Ternakan secara fidlot; makanan sisa kelapa sawit, nenas & koko Permainan beradas oleh (JPH); baka bermutu tinggi
Sosial	Aktiviti sampingan petani

Isu utama Penternakan

- Pencemaran najis ternakan disungai
- Wabak penyakit JE dan Hawar berdarah, Selsema Burung
- Daging halal : kaedah penyembelihan
- Pencemaran bau petempatan di sekitar ladang ternakan
- Penguatkusaan bagi membendung pembuangan najis ternak ke sungai

Sektor Perikanan

Jenis Perikanan

- Perikanan air Tawar
- Perikanan Pinggir Pantai
- Perikanan laut dalam
- Akuakultur

Perikanan di Jepun

Faktor-faktor mempengaruhi Kemajuan Perikanan di Jepun:

1 **Fizikal** : Negara berpulau-pulau; berteluk-teluk, banyak tempat pembiakan ikan dan banyak pelabuhan terlindung: Laut Jepun, Lautan Pasifik Laut Cina Timur; Laut kaya ikan : salmon, trout, kembong, tenggiri, halibut dan udang kara
Lautnya cetek, kawasan pentas benua, air laut kurang 183 meter, cahaya matahari sampai ke dasar laut menggalakan pertumbuhan plankton. Pertemuan Arus sejuk Oya Shio dengan Arus Panas Kuro Shio juga menggalakan pertumbuhan plankton

2 **Ekonomi** : Negara perikanan ketiga selepas China dan Peru. Ikan dieksport keluar negara. Penternakan mutiara untuk pasaran tempatan dan eksport
Ikan sumber protein utama. Penduduk 127 juta, pasaran tempatan.

3 **Sosial**: Penduduk beragama Shinto, tidak digalakkan makan daging. Perikanan perkerjaan tradisional, berani, mahir dan tekun, nelayan berpengalaman ke laut dalam.

4 **Teknologi** : Negara perkapalan, alat radar, radio, talun bunyi, cahaya, kapal kilang terapung dengan pukut tunda. Ikan diproses didalam kapal (ditinkan) lengkap awet dingin
Penternakan ikan, tiram, kerang dan rumpai laut dipinggir pantai dengan kaedah moden

5 **Governan** : ZEE sepanjang 200 batu nautika dari pantai. Kerjasama dengan Taiwan dan China mengatasi ZEE bertindih. Galakkan kerajaan untuk perikanan akuakultur laut dan darat.

Kerajaan mendirikan pelabuhan perikanan, kompleks pendaratan, gudang simpanan dan kompleks pemasaran; Pelabuhan Aomori, Akita, Niigata, Nagasaki.

Isu berkaitan perikanan

- *Pencemaran laut; tumpahan minyak*
- *Kemusnahan terumbu karang*
- *Ikan paus pupus, spesies ikan semakin kurang*
- *Pencerobohan perairan*
- *Kegiatan lanun*
- *Persaingan nelayan asing*

Sektor Perhutanan

Kesan Kegiatan Perhutanan terhadap alam sekitar

- Haiwan dan tumbuhan kehilangan habitat
- Rantaian makanan terjejas
- Peingkatan suhu: pepeluhan tumbuhan kurang, menjejaskan imbalan gas
- Kawasan tadahan terjejas
- Tumbuhan sebagai perangkap air (span) terjejas, aliran semakin laju.
- Hakisan tanah pesat
- Kejadian banjir keranan dasar sungai cetek

Langkah-langkah Mengurangkan Kesan Kegiatan Perhutanan terhadap alam sekitar.

- Kuatkuasan undang-undang: Akta hutan Negara/ Pindaan 1993
- Membendung kegiatan pembalok haram
- PERHILITAN menyiasat dan mendakwa pembalok haram

- Menghadkan pengeluaran lesen pembalakan
- Penebangan terpilih: balak matang sahaja dibenarkan terbang
- Penguatkuasa pembalakan secara bergilir
- Kerjasama agensi kerajaan: Polis, tentera, Jabatan Hutan.
- Penggunaan helikopter , pemantauan udara
- Pemeliharaan dan pemuliharaan hutan: tanam semula
- Menanam pokok cepat membesar: akasia,batai,yemena.
- Rawatan sivikultur: rawatan/ pokok memunyai parasit di potong
- Pokok getah menggantikan sumber kayu hutan: klon RRIM 2000
- Batang kelapa sawit menggantikan papan lapis dari kayu hutan

Faktor Sektor Perhutanan di Malaysia

Hutan Hujan tropika luas; pekerja ramai; permintaan tinggi; bantuan kerajaan; kemajuan teknologi membalak.

Kepentingan Sektor Perhutanan

Hasil kayu / perabot dan pembinaan; sumber pendapatan eksport; peluang pekerjaan

Sektor Pembinaan

Jenis pembinaan di Malaysia

Pembinaan Umum	Bidang Kerja Khusus
<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan rumah kediaman • Pembinaan Bangunan Pejabat dan bangunan perdagangan • Pembinaan intrastruktur: jalan raya,jambatan, pelabuhan & lapangan terbang 	<ul style="list-style-type: none"> • kerja pemasangan logam • Pendawaian elektrik • Memasang & membaiki paip • Kerja peparitan & longkang • Pemasangan penyaman udara dan penyejukan • Mengecat • Tukang kayu • Memasang kaca • Memasang lantai

Kesan Kegiatan Sektor Pembinaan Terhadap Alam sekitar

- I Pencemaran udara : semasa kerja penyediaan tapak kawasan pembinaan
Habuk dan debu terutama cuaca kering
Kilang simen(habuk); kilang papan lapis (asap & habuk kayu)
- II Suhu meningkat :Pembinaan bangunan konkrit/simen: siang cepat panas ;
bangunan berdekatan tiada ruang udara bergerak bebas; Pulau Haba.
- III Hakisan tanah: penebangan hutan untuk pembinaan jalan raya
- IV Pencemaran air : kesan penambakan laut untuk tapak pembinaan.

Langkah-langkah Mengurangkan Kesan Alam sekitar

- Peranan agensi kerajaan : Laporan Kajian Impak Alam sekitar (EIA) bagi kawasan pembinaan melbihi 50 hektar
- Akta Perancangan Bandar dan Desa: garis panduan topografi di kawasan pembinaan cerun bukit dan tanah tinggi
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: kuatkuasa undang-undang yang patut dipatuhi pemaju

- JAS (Jabatan Alam sekitar): pemantauan dan tindakan undang-undang kepada pemaju tidak mematuhi kesan alam sekitar
- Kesedaran sivik dan pendidikan alam sekitar untuk **pembangunan lestari**; pembangunan dan nilai-nilai alam sekitar untuk menjamin generasi masa depan.

KEGIATAN PERLOMBONGAN

PETROLEUM & GAS ASLI

BIJIH TIMAH

Nyatakan :

1. Lokasi di Malaysia:	1 Luar pantai Terengganu	1 Lembah Kinta
/ Lembah Kelang	2 Luar pantai Sabah	2 Sungai Lembing
2. Lokasi di Dunia Luar:	1 Alaska	1 Bolivia
3. Pengeluaran Harian/Tahunan:	600 ribu tong sehari	21000 tan metrik
4. Pusat pemerosesan :	Kerteh	
5. Syarikat :	1 PETRONAS 2 Shell	
6. Pelantar Gerudi di Semenanjung :	1 Bekok, Tapis, Tiong, Pulau	
7. Pelantar Gerudi di Sabah&Sarawak:	1 Bokor, Lutong Barat, Tukai, Betty	

FAKTOR MENGGALAKKAN PERLOMBONGAN

Huraikan faktor yang menggalakkan kegiatan perlombongan.

1.	Fizikal	Pentas Sunda – cetek Kawasan lintap mungkur Sumber banyak- mutu tinggi sulfur rendah Kawasan rata – timah aluvium
2.	Governan :	Penubuhan Petronas Kemudahan infrastruktur Pelabuhan Jabatan Mineral Dan GeoSains
3.	Sosial :	Tenaga buruh tempatan & luar negeri Sistem pengangkutan
4.	Ekonomi:	Pasaran Pelaburan Perkembangan sektor pembuatan
5.	Teknologi:	Penyelidikan dan pembangunan Teknologi satelit Teknologi penerokaan

KEPENTINGAN
PERLOMBONGAN

Pendapatan:

Pendapatan negara – 15 billion KDNK

Pekerjaan:

Peluang pekerjaan – 39,000

Teknologi:

Pemindahan teknologi dari Amerika

Pembangunan:

Perkembangan infrastruktur
Perkembangan Bandar / bandar baru

Industri:


Perkembangan sektor ekonomi
Penjanaan sumber kuasa elektrik

KESAN & MASALAH KEGIATAN PERLOMBONGAN

Huraikan:

1. Landskap	Bijih timah – perubahan landskap
2. Bentuk Muka Bumi	Bijih timah - Tanah gondol, berpasir
3. Ancaman	Bekas lombong – air dalam, bahaya nyawa
4. Hakisan	Mudah berlaku hakisan tanah
5. Pemendapan	Kelodak – air cetek
6. Pencemaran	Pencemaran air – lumpur Tumpahan minyak
7. Harga	Harga tak stabil
8. Buruh	Tenaga buruh mahir
9. Persaingan	Persaingan negara pengeluar

Jelaskan langkah mengatasi kesan perlombongan



KERJASAMA ANTARABANGSA

KEPENTINGAN

1. Menggalakkan perdagangan.
2. Mengurangkan persaingan - mengawal harga dan pengeluaran
3. Menggalakkan pelaburan.
4. Meluaskan pasaran.
5. Mengadakan projek usaha sama - pemindahan teknologi.
6. Mengatasi masalah alam sekitar.
7. Kerjasama dalam penyelidikan.
8. Menggalakkan pelancongan.

MALAYSIA DAN ASEAN

1. ASEAN ditubuh 8 Ogos 1967
2. Anggota -7 (MITSIFBV)
3. Tujuan
 - pertumbuhan, kerjasama ekonomi serantau
 - percepat pertumbuhan ekonomi
 - perkembangan bidang kebudayaan, sosial
 - teguhkan keamanan masyarakat
 - memelihara kestabilan politik serantau
 - bantuan latihan dan penyelidikan
 - kerjasama bidang ekonomi - tingkat taraf hidup
 - hubungan erat dengan pertumbuhan antarabangsa.

4. Usaha Dan Bidang Kerjasama

	Wujud kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) - pengecualian tarif perdagangan.
	Projek industri
	Kilang baja di Bintulu, di Aceh Baja Fosfat di Filipina Enjin disel di Singapura Garam-Abu Soda di Thailand
	Penstabilan Harga dan pengeluaran Komoditi - getah, timah, m.sawit
	Basmi ancaman lanun di perairan
	Atasi masalah pencemaran , tumpahan minyak
	Memajukan pelancongan - Kempen Tahun Melawat ASEAN '92
	Pengurusan hutan
	Berpegang kpd konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecualli (ZOPFAN)
	Mewujudkan Zon Ekonomi Eksklusif - elak pertikaian kawasan perairan.

iv -Sil

Ciri-ciri iklim	Stesen X	Stesen Y
Jenis iklim	Khatulistiwa	Mediterranean
Min suhu	27°C	18°C
Julat suhu tahunan	2°C	10°C
Suhu maksimum pada bulan	September	Julai
Suhu minimum pada bulan	Januari	Januari
Hujan maksimum pada bulan	November	Januari
Hujan minimum pada bulan	Jun	Julai – Ogos
Jumlah hujan tahunan	2790 mm	370 mm
Taburan hujan	Sekata	Tidak sekata

PIRAMID PENDUDUK

- A -Piramid progresif
-Malaysia / Bangladesh / Filipina / Mesir / Kenya / Mexico
- B -Piramid peralihan
-Kanada / Australia / Amerika Syarikat / Perancis
- C -Piramid stabil
-Sweden / Norway / Belanda
- D -Piramid terganggu
-Russia / Iraq / Afghanistan / Bosnia